



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

25 Mei 2009

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 25 Mei 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi pada keseluruhannya sebanyak 252 kes dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Malaysia masih kekal dengan dua (2) kes yang telah disahkan positif influenza A(H1N1) pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu dengan 241 kes lagi telah disahkan bebas dari jangkitan influenza A(H1N1).

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sehingga 25 Mei 2009, jam 8.00 pagi Bilik CPRC Kementerian telah menerima sebanyak 26 notifikasi kes yang dimasukkan ke wad isolasi di tujuh (7) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan iaitu sebelas (11) kes di Hospital Sungai Buloh, Selangor; enam (6) kes di Hospital Kuala Lumpur; empat (4) kes di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban; dua (2) kes di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh dan masing-masing satu (1) kes di Hospital Sultanah Aminah; Johor Bharu, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Daripada 26 notifikasi tersebut, 17 telah disahkan bebas daripada jangkitan influenza A(H1N1) oleh ujian makmal dari Institut

Penyelidikan Perubatan (IMR) sementara sembilan (9) lagi masih menunggu keputusan ujian makmal.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan sehingga 25 Mei 2009, jam 8.00 pagi tiada negara baru melaporkan kejadian influenza A(H1N1) secara rasmi, mengekalkan jumlah negara terlibat sebanyak 44 buah. Kumulatif kes influenza A(H1N1) adalah sebanyak 12,517 yang telah disahkan positif oleh ujian makmal iaitu peningkatan sebanyak 368 kes dalam tempoh 24 jam yang lalu. Sebanyak 16 buah negara melaporkan peningkatan kejadian ini iaitu Mexico (282), Jepun (18), Korea (18), United Kingdom (11), Sepanyol (7), El Salvador (4), Australia (2), Chile (15), Costa Rica (2), Ecuador (2), China 2 (mainland: 1, Hong Kong 1), Argentina (1), Israel (1), Peru (1), Poland (1) dan Switzerland (1). Lima (5) kematian baru dilaporkan, kesemuanya di Mexico menjadikan jumlah kematian keseluruhan setakat ini ialah 91.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sehingga 25 Mei 2009, jam 8.00 pagi, seramai 10,201 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 7,695 (75.4%) orang disaring di pintu masuk udara, 845 (8.3%) di pintu masuk laut dan 1,661 (16.3%) di pintu masuk darat. Sebanyak tiga (3) kes yang dikesan dipintu masuk telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 25 Mei 2009 jam 8.00 pagi, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 190,987 orang dimana 157,141 (82.3%) disaring di pintu masuk udara, 22,487 (11.8%) di pintu masuk darat dan 11,359 (5.9%) di pintu masuk laut. Daripada jumlah tersebut, 48 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Setakat ini tiada kes transmisi tempatan berlaku di Malaysia. Walau bagaimanapun, saya menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian serius terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan. Maklumat terkini mengenai influenza A(H1N1) ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2009